

Amah culik budak dijel dua tahun

H. Metro #11/00

KUALA LUMPUR: Seorang pembantu rumah warga Indonesia dijatuhi hukuman penjara dua tahun oleh Mahkamah Majistret di sini semalam selepas mengaku bersalah menculik kanak-kanak

berusia 15 bulan, Emir Daniel Mohd Ghazali.

Enny Susilawati, 48, melakuan kesalahan itu di sebuah rumah Bay View Apartment, Seri Sentosa, Petaling di sini antara 8 pagi hingga 2

petang, 18 Oktober lalu.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 361 Kanun Keseksaan dan dihukum mengikut Seksyen 363 kanun yang sama yang membawa hukuman maksimum penjara tujuh tahun atau denda jika sabit kesalahan.

Majistret Sayani Mohd Nor memerintahkan hukuman itu bermula dari tarikh dia ditahan, 22 Oktober lepas.

Timbalan Pendakwa Raya, Noor Ruwena Datuk Mohd Nurdin ketika membentangkan fakta kes berkata ibu bapa Emir, Mohd Ghazali dan Raiziana Norlin Ahmad mengambil Enny sebagai pembantu rumah pada 23 Ogos lepas, untuk memasak, mengemas rumah dan menjaga tiga anak mereka itu.

Noor Ruwena berkata pada 18 Oktober lalu, Mohd Ghazali dan Raiziana meninggalkan ketiga-tiga anak mereka dalam jagaan Enny ketika keluar

bekerja pada jam 8 pagi sebelum dimaklumkan jiran melalui telefon bahawa dua anak mereka merayau-rayau di kawasan luar bangunan rumah mereka.

Katanya, Mohd Ghazali dan isterinya terus pulang ke rumah dan mendapati Enny sudah meninggalkan rumahnya bersama Emir.

Beliau berkata kira-kira jam 12 tengah hari, 22 Oktober lalu, Enny pergi ke rumah seorang pengamal perubatan tradisional, Tipto Rais di Jalan Kelicap, Batu 10 Cheras, Kajang untuk mendapatkan rawatan bagi Emir yang dikatakan sering menangis di waktu malam.

"Tipto yang mengesyaki sesuatu dan teringat berita mengenai kehilangan kanak-kanak itu, bertindak meletakkan Enny, sementara seorang pelanggannya pergi mendapatkan bantuan untuk menangkapnya," kata Noor Ruwena.

Bagaimanapun Enny melarikan diri.

Noor Ruwena berkata, atas maklumat orang ramai polis pergi ke kawasan rumah Jalan Kelicap dan terdapat Enny sedang duduk di hadapan sebuah rumah kosong bersama Emir.

Enny terus ditangkap dan Emir diselamatkan.



BERSALAH...Enny berjalan keluar mahkamah selepas dijatuhkan hukuman penjara dua tahun, semalam.